

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 17 JUN 2016

KERATAN AKHBAR

36 Sinar Harian • Jumaat 17 Jun 2016

LEMBAH KLANG

HURUNG SKIAD LEMBAH KLANG
STAIRI SHAARI - 019-3310021, HUR FARHANA ABDUL MANAN - 019-668275,
HOKMIZA JAAFAR - 019-668226, HIDAYAH HAROM - 019 - 6682261

Nelayan Selangor bantah cukai jeti

Ahli Penegor berhimpun buat bantahan ke atas kerajaan negeri

■ HAFEZDZULLAH HASSAN

SUNGAI BESAR - Kira-kira 100 nelayan dari Persatuan Nelayan Negeri Selangor (Penegor) berhimpun bagi membantah dan menolak cukai jeti berjumlah RM600 setahun yang bakal dilaksanakan oleh kerajaan negeri.

Pengerusinya, Mohd Jaman Haris, 49, berkata, pelaksanaan cukai membebankan golongan nelayan kerana mereka tidak mempunyai pendapatan yang tetap.

"Adalah wajar bagi nelayan di sini membantah dan menolak cukai kerana perkara itu membimbangkan kami yang mempunyai pendapatan tak menentu.

"Cukai RM600 setahun sudah tentu membebankan kami ditambah pula dengan kos sara hidup yang tinggi sekarang ini," kata beliau selepas Demo Nelayan Bantah Kerajaan Negeri Selangor Zalim, di sini, semalam.

Sehubungan itu, beliau berkata, satu memorandum bantahan akan dikemukakan kepada kerajaan negeri untuk menolak cukai berkenaan.

"Tujuan kita buat memorandum agar kerajaan negeri mendengar rintihan kami para nelayan supaya mereka mengemukakan cukai yang bakal dikenakan melalui Lembaga Urus Air Selangor (Luas)," katanya.

Katanya, satu surat bertarikh 27 Mei telah dihantar ke Pejabat Menteri Besar untuk menyerahkan memorandum kepada Datuk Seri Mohamed Azmin Ali tetapi Penegor masih belum menerima maklum balas sehingga ini.

Sebelum ini, Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib memaklumkan kerajaan negeri belum memutuskan sama ada mahu mengenakan cukai terhadap jeti nelayan di Selangor atau sebaliknya.

Katanya, fokus kerajaan adalah menyelesaikan pendaftaran jeti berbanding mengutip cukai.

Tindakan tidak wajar

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, kerajaan negeri tidak wajar mengenakan cukai jeti kepada nelayan kerana mereka tidak terlibat dalam menyediakan infrastruktur yang membantu nelayan mendaratkan ikan di Selangor.

Menurut beliau, infrastruktur yang ada telah disediakan oleh kerajaan persekutuan dan pihak swasta.

"Agak pelik sikit kerana kalau jalan dikenakan tol kerana ada pihak yang menyelenggarakan tapi dalam hal jeti ini, kerajaan negeri tak buat apa-apa.

"Jeti yang ada dibina oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan pihak swasta demi kemudahan nelayan untuk mendaratkan ikan, katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri sepatutnya memberikan bantuan pada nelayan dan bukan mengambil kesempatan atas kemudahan yang sedia ada dengan mengenakan cukai.

"Mereka tak memberikan apa-apa sumbangan pada pembangunan jeti dan perkara ini saya lihat sudah tentu akan membebankan kerana kos kenaikan akan dipindahkan kepada pengguna.

"Saya nampak tak ada kewajaran di sini kecuali kerajaan negeri nak mengutip sumber hasil. Saya faham mana-mana kerajaan pun nak kutip hasil tapi bukan pada produktiviti yang membabitkan rakyat," katanya.

Mahu kenyataan rasmi

Manakala, LKIM mengesahkan Mohamed Azmin segera membuat kenyataan rasmi berhubung cukai yang bakal dikenakan ke atas jeti nelayan di Selangor.

Pengerusinya, Datuk Irmohizam Ibrahim berkata, kegagalan kerajaan negeri membuat kenyataan mengenai isu berkenaan menyebabkan golongan nelayan gelisah.

"Saya menantikan kenyataan rasmi yang menyatakan mereka tak akan mengenakan caj pendaratan setiap bot sebanyak RM600 sebagaimana yang dirancang dan kerajaan negeri harus menyatakan keputusan mereka," katanya selepas majlis berbuka puasa bersama media, di sini, kelmarin.

Katanya, sekiranya kerajaan negeri tidak memberi keyakinan untuk mengenakan caj maka nelayan di Selangor akan pupus dan hasil tangkapan juga akan berkurangan.

Dalam perkembangan yang sama, Irmohizam turut menyelar kenyataan Zaidy yang mendakwa jeti LKIM tidak mempunyai inventori.

"Bagi saya kenyataan Zaidi itu tak bertanggungjawab sedangkan jeti yang dibina oleh LKIM urusan auditnya dilakukan oleh nelayan dan LKIM memberikan geran untuk menguruskan penyelenggaraan tersebut," katanya.

Menurutnya, tidak adil jika kerajaan negeri mahu memeriksa inventori jeti LKIM semata-mata mahu mengenakan caj.

"Di seluruh Selangor kita ada 52 jeti LKIM dan Sungai Besar sahaja kita ada 10 jeti jadi tak adil untuk kerajaan negeri mengesahkan LKIM semata-mata mahu mengambil dana yang diberikan oleh kerajaan pusat," katanya.

Jaman menunjukkan memorandum yang bakal dikemukakan kepada Mohamed Azmin.



Shabery dan Irmohizam beramah mesra bersama nelayan ketika meninjau komuniti itu di Sungai Besar.

Sebahagian daripada golongan nelayan Sungai Besar yang hadir dalam Demo Nelayan Bantah Kerajaan Negeri Selangor Zalim, semalam.